

**Perjanjian air ikat Selangor dan Putrajaya, kata MB
Malaysian Insider
1 Mac, 2014
Oleh Diyana Ibrahim**

Tan Sri Khalid Ibrahim bertemu para pesilat dari seluruh Selangor semasa Festival Seni Mempertahankan Diri, Senjata dan Warisan Negeri Selangor yang diadakan di Dataran Kemerdekaan Shah Alam. – Gambar The Malaysia Insider oleh Afif Abd Halim, 1 Mac, 2014. Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menyifatkan perjanjian persefahaman (MoU) di antara Putrajaya dan kerajaan negeri berhubung isu air sebagai satu perjanjian yang mengikat antara dua pihak untuk melaksanakan apa yang dipersetujui.

Katanya, baik kerajaan negeri mahupun kerajaan persekutuan melihat usaha sama tersebut lebih besar daripada sekadar perjanjian kerana ia memerlukan komitmen kedua pihak.

"MoU ini dilihat lebih besar daripada perjanjian seperti kata Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin apabila ia dilihat sebagai satu komitmen dan begitu juga dengan kerajaan negeri.

"Kerana itu kerajaan negeri dan pusat selepas ini akan bekerjasama ke arah melaksanakan perjanjian tersebut di mana mereka boleh membina loji rawatan air di Langat dan kita boleh menstrukturkan semula air," katanya pada sidang media selepas menghadiri program seni silat di Shah Alam, Selangor.

Semalam Muhyiddin turut mengulas mengenai perjanjian berhubung air bersama Putrajaya dengan berkata ia tidak boleh diubah walaupun Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi menteri besar Selangor bagi menggantikan Khalid.

Perjanjian antara kerajaan negeri dan Putrajaya ditandatangani pada Rabu lalu bagi pengambilalihan aset air negeri dan pembinaan loji rawatan air.

Baik Khalid mahupun Muhyiddin menegaskan perjanjian itu bukan seperti usahasama yang biasa kerana ia bersifat tetap dan tidak boleh dipinda.

Bagaimanapun ia tidak persetujui oleh pakar perundangan.

Peguam, Syahredzan Johan menegaskan ia bukan dokumen yang mengikat secara sah di sisi undang-undang dan menyatakan pihak yang menandatangani mungkin masih di peringkat perbincangan.

Katanya lagi, ia hanya mencerminkan niat pihak tertentu untuk bekerjasama ke arah matlamat yang sama.

Merujuk kepada perjanjian antara Selangor dengan Putrajaya, Syahredzan berkata ia tidak terikat secara sah di sisi undang-undang, maka ia boleh terbatal.

Pada masa sama, Khalid juga menjelaskan kekeliruan yang berlaku apabila dahulu kerajaan negeri menentang pembinaan loji rawatan Langat 2.

"Memandangkan kami mewakili rakyat Selangor maka saya perlu pastikan ia berbaloi dengan apa yang dilaburkan. Kita faham kepentingan membina loji rawatan dan teknologi yang

digunakan dan merupakan tanggungjawab kerajaan negeri memastikan rakyat mendapat pulangan.

"Kita bertanya perkara demikian kepada kerajaan persekutuan dan akhirnya mereka bersetuju dan bersependapat dengan kemahuan negeri Selangor. Putrajaya menjamin memberi kuasa untuk membuat keputusan dalam perkara tersebut," katanya.

Tambahnya, beliau juga turut memberi jaminan penstrukturan semula air tetap akan dilaksanakan biarpun beliau tidak menjadi menteri besar lagi.

Laporan media tahun lepas mengatakan ketiga syarikat ini – Salcon Bhd, MMC Corp Bhd dan Ahmad Zaki Resources Bhd (AZRB) – terpilih dalam senarai membina loji rawatan air Langat 2 yang bernilai RM1.2 bilion itu.

Terowong pemindahan air Pahang-Selangor sepanjang 45 km sudahpun dibina menggunakan pinjaman faedah rendah RM2 bilion daripada Japanese International Cooperation Agency (JICA) yang mempunyai pelan pembayaran 40 tahun bagi terowong yang melalui kawasan pergunungan Titiwangsa.

Selain itu, seluruh projek itu juga melibatkan pembinaan empangan, rumah pam di Pahang dan loji rawatan air di Selangor dengan jumlah keseluruhan RM7 bilion. – 1 Mac, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/perjanjian-air-ikat-selangor-dan-putrajaya-kata-mb>